

PSBS dan FKSW UMS kunjungi Musbah

UB 12/12/19 4

KOTA BELUD: Persatuan Sastera Dan Budaya Sabah (PSBS) bersama Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah (UMS) melakukan kunjungan hormat kepada Ahli Dewan Undangan Negeri N6 Tempasuk, Datuk Musbah Jamli.

FKSW diwakili oleh Dr Hj Lokman Abd Samad dan Suhaimi Magi, manakala PSBS diketuai oleh Norawi Hj Kata dan turut dan Mabulmaddin

Shaiddin dan disertai oleh Ramli Jusoh dan Nandra Hitong.


Hasil kunjungan itu, Datuk Musbah menyokong program yang dianjurkan oleh FKSW dan PSBS dan berharap kegiatan seni sastera dan budaya dapat diperkasakan lagi pada tahun hadapan.

“Saya sentiasa menyokong program kesenian, sastera, budaya dan berharap pengisinya dapat mendokong pembangunan insan seiiring

dengan kepesatan teknologi masa kini,” katanya.

Musbah berharap FKSW UMS sentiasa bekerjasama dengan PSBS untuk melaksanakan program yang memberi impak kepada generasi muda pada tahun hadapan.

Dalam pertemuan itu, Musbah bersetuju merasmikan persembahan Dramatari yang akan dipersembahkan pada 11 Januari 2020, bermula jam 8.00 malam di UMS.



CENDERAMATA: Musbah menyampaikan cenderamata kepada Suhaimi disaksikan oleh Lokman dan AJK Tertinggi PSBS sebagai tanda sokongan terhadap pementasan dramatari.